



## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA ISNIN / 3 SEPTEMBER 2018**

- 1. TANAM PADI TUMBUH LALANG**
  - SINAR HARIAN
  
- 2. KOMITED HAPUS LESEN BOT LAUT DALAM WARGA ASING**
  - SINAR HARIAN
  
- 3. TIADA LAGI LESEN TANGKAP IKAN KEPADA NELAYAN ASING MENJELANG 2021**
  - KOSMO
  
- 4. ELAUN HANYA UNTUK NELAYAN TULEN**
  - KOSMO
  
- 5. 'PEMUTIHAN BANTERAS PENIPUAN'**
  - BERITA HARIAN

**DISEDIAKAN OLEH :  
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT  
(MADA)**

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 3 SEPTEMBER 2018  
PERKARA : ADUAN

HUBUNGI SKUAD KOTA SETAR NURUL HIDAYAH HAMID -019 574 4022 / 019 474 7065

# Tanam padi tumbuh lalang

**Pesawah dakwa tanaman terjejas akibat saluran tidak sempurna**

NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR



AZIZAN



MOHAMMAD



Sebahagian tanah menjadi jerus akibat mendapan terlalu lama.

Kira-kira 50 pesawah mendakwa terpaksa menanggung kerugian apabila tanaman padi seluas hampir 30 hektar di Kampung Sentang, Kangar, dekat sini, tidak menjadi dan ditumbuhi lalang.

Pesawah, Ahmad Laden, 60-an berkata, tanaman padi di kawasan berkenaan terjejas akibat sistem saluran tidak sempurna dan kunci air rosak.

Menurut Ahmad, masalah dialami pesawah di kawasan ini adalah bersangkutan paut masalah air kumbahan yang tidak boleh keluar

ataupun disalurkan ke pintu pelepasan.

"Apabila, air kumbahan dari beberapa kampung itu masuk ke petak sawah padi, dan kemudiannya ia akan menjadi mendapan dan menyebabkan tanah menjadi jerus," katanya.

"Malah, lama-kelamaan pencemaran bau dari air itu berlaku, memandangkan ia tidak dapat dialihkan ataupun disalurkan ke pintu pelepasan," katanya.

Katanya, keadaan terba-

bit mengakibatkan benih padi yang ditabur tidak dapat tumbuh kerana akar padi tidak dapat mencengkam tanah, sekaligus menrencatkan proses pertumbuhan padi.

Manakala bagi Mohammad Noor Murad, 72, sawah padi seluas lebih satu hektar yang diusahakan di kawasan berkenaan kini ditumbuhi lalang.

Katanya, dia sedih mengenangkan keadaan tanaman padi diusahakan yang tidak

tumbuh dengan baik disebabkan air kumbahan bertakung dalam sawah padi.

Mohamad berkata, dia yang mengeluarkan banyak wang untuk kos tanaman padi terpaksa menanggung kerugian akibat masalah berkenaan.

Katanya, dia sudah ber-

habisan kira-kira RM2,000 untuk menampung segala kos, seperti traktor, mesin dan upah racun, namun hasil diperolehi tidak berbaloi.

Untuk itu katanya, petani terlibat yang mengerjakan sawah dengan sepenuh masa memohon pihak bertanggungjawab membantu mereka

memyelesaikan masalah yang berlarutan sejak 90-an berkenaan.

Sementara itu, Azizan Darus, 60, berkata, dia merayu jasa baik pihak berkenaan turun padang seterusnya mengambil tindakan segera menangani masalah yang timbul berkenaan.

**KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**TARIKH : 3 SEPTEMBER 2018**  
**PERKARA : PERIKANAN**

## **Komited hapus lesen bot laut dalam warga asing**

KUALA TERENGGANU - Kerajaan komited menghapuskan semua lesen bot laut dalam yang telah diberi kepada nelayan warga asing sebelum ini bagi mengatasi isu-isu berbangkit mengenai keluhan nelayan tempatan ekoran wujudnya nelayan asing itu secara berleluasa di perairan negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, sebanyak 828 lesen bot laut dalam dikeluarkan sebelum ini kerana ketika itu negara mengalami masalah kekurangan bekalan sumber perikanan dalam negara.

Bagaimanapun, setelah keperluan dalam negara kembali pulih dan nelayan tempatan mampu menampung permintaan itu, kerajaan secara perlahan-lahan membatalkan lesen yang diberikan kepada warga asing sebelum ini.

"Sejak 2008 hingga 2016 sebanyak 828 lesen bot laut dalam dikeluarkan termasuk kepada 176 nelayan Vietnam, 167 nelayan Thailand dan selebihnya kepada nelayan tempatan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 343 lesen bot nelayan asing telah diberikan tetapi sehingga kini sebanyak 303 lesen telah dibatalkan secara berperingkat dan dalam tempoh tiga tahun dari sekarang baki 40 lesen lagi bakal dihapuskan juga.

Beliau berkata demikian pada satu sidang media sempena Majlis Ramah Mesra Datuk Salahuddin



Salahuddin (tengah) ketika menjawab soalan pihak media.

Ayub bersama Pemimpin Nelayan Terengganu di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Chendering, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Badrul Hisham Mohd, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Munir Mohd Nawi dan ketua-ketua jabatan terlibat.

Salahuddin yakin, selepas menyelesaikan isu-isu yang berkaitan nelayan asing yang terikat dengan hutang bank dan sebagainya, lesen berkenaan tidak akan dikeluarkan kepada golongan itu

sebaliknya akan diberi kepada nelayan tempatan.

Ia sekaligus mengatasi serba sedikit aduan nelayan yang sering mengaitkan nelayan warga asing termasuk isu pencerobohan, penyelewengan dan sebagainya.

Sementara itu, dalam masa sama, Salahuddin turut memberitahu, pihaknya sedang melaksanakan pemutihan kepada 55,000 nelayan yang menerima elaun sara hidup di seluruh negara bagi memastikan penerima terdiri daripada nelayan tulen.

"Saya harap perjuangan kita untuk memperjuangkan nelayan ini bukan sahaja kekuatan daripada kementerian tetapi pegawai bertugas, persatuan nelayan dan nelayan itu sendiri," katanya.

**KERATAN AKHBAR : KOSMO**  
**TARIKH : 3 SEPTEMBER 2018**  
**PERKARA : PERIKANAN**

---

## Tiada lagi lesen tangkap ikan kepada nelayan asing menjelang 2021



SALAHUDDIN (dua dari kanan) bertemu sebahagian nelayan selepas majlis ramah mesra bersama pemimpin nelayan di Pelabuhan Chendering, Kuala Terengganu semalam.

**KUALA TERENG-  
GANU** - Semua lesen penangkapan ikan yang diberikan kepada nelayan laut dalam warga asing termasuk Vietnam akan dibatalkan sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, buat masa ini hanya 40 nelayan asing dari Vietnam dan Thailand masih dibenarkan untuk menangkap ikan di perairan negara.

Menurutnya, kerajaan

sebelum ini telah mengeluarkan 343 permit menangkap ikan kepada 176 nelayan Vietnam dan 167 nelayan Thailand pada 2008 bagi mengatasi masalah kekurangan bilangan nelayan laut dalam tempatan dan bekalan ikan pada masa itu.

"Begitu pun, pemberian lesen itu telah dibekukan sejak Oktober 2017 berikutan banyak berlaku kes penyalahgunaan sehingga menjejaskan nelayan tempatan dan sumber hasil laut negara.

"Setakat ini, 303 lesen kepada nelayan-nelayan asing itu telah dibatalkan oleh Jabatan Perikanan. Bakinya akan turut dimansuhkan secara beransur-ansur dalam tempoh dua, tiga tahun lagi," katanya selepas menghadiri majlis ramah mesra bersama pemimpin nelayan Terengganu di Pelabuhan Chendering di sini semalam.

Terdahulu, hampir 50 nelayan tempatan berhimpun secara aman memohon Kementerian

Pertanian dan Industri Asas Tani menangani masalah pencerobohan nelayan Vietnam yang telah berlarutan sekian lama.

Kumpulan nelayan tersebut mendakwa pemberian lesen penangkapan ikan kepada nelayan Vietnam telah menggalakkan kewujudan bot klon yang merupakan antara taktik digunakan nelayan asing tersebut untuk mencerooboh perairan Pantai Timur termasuk Terengganu.

**BH** Isnin, 3 September 2018

**ELAUN SARA HIDUP (ESH)**

## 'Pemutihan banteras penipuan'

➔ Kerajaan utama nelayan berkelayakan terima bantuan

**Oleh Helmy Abd Rahman**  
helmy\_rahman@nstp.com.my

▀ Kuala Terengganu

**K**ementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang giat melakukan proses pemutihan penerima Elaun Sara Hidup (ESH) nelayan bagi memastikan hanya yang berkelayakan sahaja memperoleh manfaat itu.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata proses pemutihan itu membabitkan 55,000 penerima sebelum ini di seluruh negara dengan keutamaan diberikan kepada 'nelayan tulen'.

"Antara syarat dikenakan untuk menikmati ESH ialah nelayan perlu turun ke laut, sekurang-kurangnya 120 hari dalam setahun.

"Ketika ini, ada yang tidak jadi nelayan pun dapat insentif itu. Justeru, pemutihan ini perlu

kerana ia (bantuan) sepatutnya diberi kepada kumpulan sasaran yang sebenar. Jangan ada penipuan di situ," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menghadiri sesi ramah mesra bersama Persatuan Nelayan Terengganu (PENENTU) di Pelabuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Chendering di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Senator Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad dan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Dr Azman Ibrahim.

**Kumpul data terkini nelayan**  
Salahuddin berkata, proses pemutihan itu juga penting bagi membolehkan pengumpulan data terkini nelayan, sekali gus memudahkan pemberian insentif baharu kepada mereka yang benar-benar layak.

Selain itu, katanya kementerian juga sedang merangka pelan strategik untuk pertingkatkan insentif kepada nelayan dalam bentuk lain selain bantuan kewangan yang akan memberi kesan serta meningkatkan taraf hidup.



Salahuddin Ayub

"Pelan tindakan sedang disiapkan kementerian dan akan diumumkan dalam tempoh terdekat. Kita juga mengenal pasti beberapa lokasi di setiap negeri untuk skim perumahan mampu milik nelayan," katanya.

Kerajaan membelanjakan RM13.6 billion untuk pembangunan sektor perikanan negara bermula 2009 hingga 2016, termasuk bagi pembinaan pelabuhan kompleks perikanan, pembinaan jeti, pemberian subsidi minyak dan diesel serta ESH nelayan.

Dalam perkembangan berasingan, Salahuddin berkata, pihaknya menasabah untuk membatalkan baki 40 lesen laut dalam milik warga asing yang beroperasi di perairan negara ini dalam tempoh dua hingga

tiga tahun lagi.

Beliau berkata, setakat ini Jabatan Perikanan sudah membatalkan 303 lesen bot laut dalam milik warga asing dan hanya tinggal 40 lagi yang masih dibenarkan menangkap ikan di perairan negara.

**167 lesen sudah dimansuh**

"Daripada jumlah keseluruhan 303 lesen bot laut dalam itu, 176 lesen milik warga Vietnam dan Thailand (167) sudah dimansuhkan dan kita jangka dalam dua atau tiga tahun lagi kita dapat selesaikan masalah ini.

"Bagi 40 lesen lagi, lesen mereka akan terbatal sebaik tamat tempoh nanti dan kita tidak benarkan ia disambung. Semua lesen bot laut dalam hanya akan diberikan kepada nelayan tempatan sahaja," katanya.

Salahuddin berkata, secara keseluruhannya, 828 pemilik lesen bot laut dalam aktif di seluruh negara.

"Sebenarnya, dulu lesen bot laut dalam dikeluarkan kepada nelayan asing pada 2008 kerana hasil tangkapan untuk negara ini tidak mencukupi tetapi sekarang situasi berbeza sebab itu Jabatan Perikanan tak lagi mengeluarkan lesen kepada warga asing," katanya.